

16 JAN 1998

#### MALAYSIA TIDAK PERLUKAN PROGRAM IMF

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak perlukan program IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) untuk membantu memulihkan ekonominya, kata pengarah urusan IMF Michel Camdessus hari ini.

Bagaimanapun, katanya oleh kerana kemudahruapan pasaran mata wang dan tukaran asing, Malaysia perlu terus mengukuhkan dasar kewangannya untuk mencapai adunan dasar yang lebih baik dalam usaha memulihkan keyakinan pasaran.

Beliau berkata pasukan IMF yang berada di sini untuk rundingcara, akan kembali semula pada Mac depan untuk membincangkan selanjutnya pelaksanaan langkah-langkah yang ketat yang sudahpun dilaksanakan Malaysi setakat ini.

Camdessus berkata kedudukan kewangan Malaysia kukuh dan cukai tidak perlu dinaikkan.

Kedudukan fiskal negara ini juga cukup teguh, tambah beliau.

Bagaimanapun, katanya IMF merasakan bahawa kredit di Malaysia tumbuh terlalu pesat dalam dua tahun lalu.

"Kami ingin melihat pengurangan kepesatan dalam pertumbuhan ini," katanya.

Menurut Camdessus berbeza dengan negara-negara lain, Malaysia telah terjejas oleh krisis matawang dan pasaran dan ini lebih disebabkan oleh kesan berjangkit. Beliau memuji program jimat cermat negara ini yang diumumkan pada 5 Dis lalu dan menyifatkannya sebagai langkah persediaan bagi mengelakkan masalah lebih besar di masa akan datang.

Kesan berjangkit di Asia Tenggara ini bermula Julai lalu apabila Thailand membenarkan pengapungan bahtnya secara bebas.

Bagaimanapun, Camdessus mendapati bahawa pinjaman tak berbayar Malaysia dikekalkan pada "tahap rendah dalam beberapa tahun lalu."

Apabila ditanya tentang pembaharuan struktur yang boleh dilaksanakan oleh Malaysia, beliau berkata sistem kawalan harga barangan serta campurtangan kerajaan dalam beberapa bidang ekonomi, yang telahpun berjaya di masa lalu, "memang perlu dianalisis semula dan mungkin perlu dibatalkan."

Mengenai cadangan penggabungan institusi kewangan tempatan, beliau mengalu-alukan langkah itu kerana ini akan mengukuhkan kedudukan mereka dan meningkatkan kelebihan daya saingan mereka apabila pasaran kewangan tempatan dilonggarkan lagi kelak.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan asing tentang unjuran 2.5 peratus pertumbuhan bagi Malaysia tahun ini yang dibuat oleh IMF dalam laporan sementara IMF, Camdessus yang kelihatan terperanjat berkata, "Kita tidak ada ramalan rasmi...saya tidak tahu."

Camdessus menambah kata bahawa pertumbuhan Malaysia akan lebih perlahan daripada tahun lalu.

Pihak berkuasa Malaysia telah meramalkan pertumbuhan antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus bagi tahun ini. Pertumbuhan tahun lalu dianggarkan sebanyak 8.0 peratus.

Kata Camdessus beliau begitu pasti bahawa negara-negara di rantau ini akan mengambil masa kira-kira dua setengah tahun untuk pulih kepada pertumbuhan tinggi dengan cara yang lebih kekal dan akhirnya meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik.

Menjawab satu soalan, beliau berkata IMF bukanlah berfungsi untuk menimba keluar air daripada perahu ekonomi-ekonomi "tetapi mengurangkan masalah supaya perahu tersebut menjadi lebih kukuh dan terus memberi

khidmatan bagi tempoh yang lebih panjang."

Beliau menekankan bahawa campurtangan IMF disertai oleh langkah-langkah teguh bagi membolehkan ekonomi-ekonomi ini pulih dan "dasar kami ialah jangan sekali-kali menyelamatkan pemegang saham."

Ditanya tentang respon Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terhadap keperluan mengadakan pembaharuan struktur selanjutnya, Camdessus berkata ini tidak dibincangkan secara khusus, tetapi perbincangan tersebut bertumpu kepada beliau (Camdessus) yang bercerita tentang pembaharuan yang sedang dilaksanakan oleh ekonomi-ekonomi serantau yang terjejas.

Bagaimanapun, beliau bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir tentang perlunya negara ini sentiasa berjaga-jaga dan mengambil langkah-langkah disediakan selanjutnya untuk mengukuhkan sektor kewangan.

Camdessus berkata pembaharuan struktur perlu ditangani oleh kerajaan dan bank pusat.

Ditanya tentang bagaimana teluskah IMF dan dimanakah agenda sosialnya apabila ia meminta negara-negara melaksanakan pembaharuan ekonomi, beliau berkata IMF sememangnya peka kepada program sosial yang penting bagi mengekalkan pertumbuhan dan yang merupakan cara yang berkesan untuk mengurangkan pengangguran dan kemiskinan.

"Lima hari lalu saya berada di Korea Selatan untuk mengelakkan pertentangan pekerja-majikan dan semalam di Jakarta saya menggesa kerajaan mengeluarkan lebih banyak perbelanjaan sosial, yang lupa disebut oleh pengulas IMF.

Sambil menyifatkan pembaharuan bantuan IMF sebagai memberi penawar kepada ekonomi yang sedang sakit tenat, beliau berkata, bertahun-tahun lamanya perkataan 'sosial' tidak menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata IMF.

"Kami merupakan satu-satunya institusi di dunia ini yang dikaji oleh 182 negara yang menerima laporan dan dokumen kami setiap hari," katanya.

Menyentuh tentang kadar faedah, beliau berkata pertumbuhan kredit negara yang pesat dan tekanan antarabangsa disebabkan oleh ringgit yang semakin jatuh nilainya memaksa kadar faedah dinaikkan.

Bagi tujuan ini, beliau berkata Bank Negara "bersedia menuju ke arah tersebut serta menurunkan kadar pertumbuhan kredit dan menyederhanakan tekanan inflasi serta menyokong nilai bagi ringgit."

Mengenai Belanjawan negara, beliau berkata meskipun ia tidak perlu diubahsuai, namun ia perlu diperkuatkan dari semasa ke semasa dan pihak berkuasa perlu menyediakan langkah-langkah berkesan, dengan mengambil kira masalah-masalah yang timbul daripada turun naik matawang.

"Misalnya, jika tekanan inflasi terus meningkat dan pertumbuhan kredit masih pesat, maka perlulah dasar kewangan diperketatkan."

Katanya IMF juga mahu diperkukuhkan dialog sosial tiga pihak antara kerajaan, sektor swasta dan persatuan pekerja untuk mencapai hasil yang terbaik dan diinginkan dalam tempoh secepat mungkin.

"Kerja kami ialah membantu negara-negara membina keyakinan di kalangan pelabur antarabangsa...ini adalah dalam bidang tugas kami tetapi bukanlah secara ajaib...kami bantu mereka dalam dasar-dasar mereka dan mewujudkan semula keyakinan."

Camdessus berkata pembaharuan struktur bukan hanya untuk menangani masalah ekonomi dalaman, tetapi juga sama penting ialah menyembuhkan negara ini daripada kesan jangkitan kelembapan tiba-tiba ekonomi serantau seperti yang ternyata daripada serangan ke atas baht Thailand mulai 2 Julai.

"Program-program IMF adalah untuk memendekkan tempoh pengubahsuaian dan mengurangkan kos sosial...tanpa program-program ini rakyat miskin akan menerima padahnya," katanya. -- BERNAMA

TEAM KY MA

